

Garis Panduan Pelaksanaan **SULAM@UiTM**

Service Learning Malaysia-University for Society

Unit Hal Ehwal Kurikulum
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Garis Panduan Pelaksanaan
SULAM@UiTM
Service Learning Malaysia – University for Society**

Unit Hal Ehwal Kurikulum
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

© Penerbit UiTM, UiTM 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SULAM@UiTM SERVICE LEARNING MALAYSIA – UNIVERSITY FOR SOCIETY

ISBN:

1. Service-Learning Malaysia – Malaysia.
2. University for Society -- Malaysia.
3. Pelaksanaan SULAM@UiTM – Malaysia.
- I. Judul.

Penggubal Kandungan: Sharipah Ruzaina Syed Aris
Wan Aida Wan Yahaya

Dicetak di Malaysia oleh:

Isi Kandungan

Kata Pengantar

Prakata

Penghargaan

∞ Apa itu SULAM?	10
∞ Definisi Operasi SULAM	11
∞ Objektif SULAM	12
∞ Apa itu Komuniti?	13
∞ Kerangka SULAM@UiTM	14
∞ Jalinan & Peranan Entiti SULAM@UiTM	15
∞ Kriteria Projek SULAM@UiTM	16
∞ Kriteria Kursus SULAM@UiTM	17
∞ Kaedah Pengajaran & Pembelajaran SULAM@UiTM	18
∞ Penilaian Alternatif Kursus SULAM@UiTM	19
∞ SULAM secara Atas Talian (eSULAM)	20
∞ eSULAM sebagai Alternatif	21

Isi Kandungan



∞ Strategi Perancangan & Implementasi SULAM@UiTM	22
∞ Cadangan Model SULAM@UiTM: Disiplin Tunggal	23
∞ Cadangan Model SULAM@UiTM: Multi/Merentas Disiplin	24
∞ Contoh Kaedah Pelaksanaan SULAM@UiTM di Fakulti / Kampus	25
∞ Cabaran Pelaksanaan SULAM@UiTM	26
∞ Cadangan Struktur Organisasi SULAM@UiTM peringkat Universiti, Fakulti dan Kampus	27
∞ Tadir Urus SULAM@UiTM	28
∞ Jawatankuasa SULAM@UiTM peringkat BHEP (Shah Alam)	29
∞ Jawatankuasa SULAM@UiTM peringkat Fakulti/Kampus	30
∞ Kod Penawaran Kursus SULAM@UiTM peringkat Pusat Ko-Kurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)	31

*Rujukan
Lampiran*

Kata Pengantar



Berasaskan konsep “Universiti Untuk Masyarakat”, *Service Learning Malaysia – University for Society* (SULAM) merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah dilancarkan pada tahun 2019 untuk menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti. Tujuan inisiatif ini adalah untuk memberi pengalaman pembelajaran yang menghubungkaitkan teori dan praktis dengan penyelesaian permasalahan sebenar dalam komuniti.

Garis panduan ini disediakan sebagai sumber rujukan buat warga UiTM dalam pembangunan dan pelaksanaan SULAM di UiTM yang sewajarnya untuk melahirkan graduan yang dapat memajukan kehidupan masyarakat serta komuniti yang memerlukan.

Ucapan ribuan terima kasih turut dipanjangkan kepada semua penyumbang garis panduan ini dari peringkat perancangan awal sehingga pelaksanaannya di UiTM. Masa, idea, dan kepakaran tuan puan yang telah dikongsikan amatlah dihargai. Semoga usaha kita ini akan terus dapat menyumbang dan membantu komuniti yang memerlukan serta membentuk graduan UiTM yang sentiasa prihatin akan keperluan komuniti.

Prof Dr Shahanum Md Shah
Pengarah Unit Hal Ehwal Kurikulum

Kata Pengantar



Alhamdulillah, puji dan syukur dipanjatkan ke atas Illahi kerana Garis Panduan Pelaksanaan SULAM@UiTM (*Service Learning Malaysia – University for Society*) ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Ucapan tahniah dan ribuan terima kasih juga dipanjangkan kepada semua penyumbang yang telah membantu mencerahkan idea, kepakaran, menggembung masa dan tenaga sehingga terhasilnya garis panduan ini. Sesungguhnya, usaha ini memerlukan penglibatan semua pihak yang merentasi pelbagai jabatan di peringkat universiti.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia dan Universiti Andalas, Indonesia yang telah berkongsi pengalaman mereka dalam melaksanakan SULAM di universiti masing-masing.

Semoga dengan penghasilan garis panduan ini akan memberikan input dan idea kepada semua pemegang taruh universiti, staf, pelajar, agensi kerajaan, industri dan komuniti bagi merangka, merancang, dan melaksanakan SULAM@UiTM di peringkat dalam dan luar negara seiring dengan Amanat Naib Canselor UiTM Tahun 2020 dan inisiatif yang telah dipetakan mengikut Teras Strategik dalam Pelan Strategik UiTM2025.

Sr. Noor Halil Ismail
Pengarah Pusat Kokurikulum

Prakata



Syukur ke hadrat Illahi atas limpah dan kurniaNya diberikan kelapangan untuk menghasilkan satu garis panduan buat warga pendidik UiTM untuk membangunkan kurikulum dan melaksanakan kursus berbentuk khidmat kepada komuniti atau masyarakat.

Garis panduan ringkas ini dapat memberikan sedikit gambaran kepada warga UiTM berkenaan definisi *Service Learning Malaysia-University for Society* (SULAM), pembangunan kurikulum kursus SULAM, pentaksiran atau penilaian yang bersesuaian dan pelaksanaan SULAM di peringkat fakulti mahupun kampus.

Usaha ini seterusnya dapat mendedahkan para pelajar dengan lebih awal berkenaan realiti, isu atau pemasalahan dan seterusnya dapat menyumbang idea, ilmu dan kemahiran kepada komuniti melalui interaksi dan jalinan kerjasama antara pelbagai pihak iaitu pensyarah, pelajar, komuniti dan industri.

**Sharipah Ruzaina Syed Aris
Wan Aida Wan Yahaya**

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada ahli-ahli META yang telah turut sama menyumbang idea bagi merealisasikan penerbitan garis panduan ini.

Abdul Qaiyum Abdul Razak
Aida Nur Ashikin Abd Rahman
Aishah Raidah Ab Rahman
Azhan Hashim @Ismail
Che Khairil Izam Che Ibrahim
Emma Marinie Ahmad Zawawi
Hamzah Aziz
Huzaimeh Haji Ismail
Khairi Khalid
Mohd Zul Azri Harun
Muhammad Aizuddin Abd Rahim
Muhammad Syuhairi Zakaria
Noor Halil Ismail
Rezian-na Muhammed Kassin
Sharipah Ruzaina Syed Aris
Suraiya Abdul Majid
Wan Aida Wan Yahaya

Apa itu SULAM?



SULAM adalah singkatan nama bagi *Service Learning Malaysia–University for Society* yang merupakan kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang ilmu, kemahiran dan kompetensi bidang mereka dalam menyelesaikan masalah atau isu masyarakat/komuniti.

Ianya menyokong Lonjakan Pendidikan Tinggi bagi melahirkan graduan yang holistik, seimbang dengan minda keusahawanan.

SULAM juga adalah salah satu elemen yang mencirikan sesuatu kurikulum itu mempunyai Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices*) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2016.

(*SULAM Playbook: Service Learning Malaysia–University for Society*, JPT, 2019, p.2).

Definisi Operasi SULAM



SULAM is, “A course-based, credit-bearing educational experience in which the student participates in a structured service activity that meets identified community needs, reflect on the service activity and experiences to achieve desired learning outcomes, in such a way as to gain deeper understanding of course content, a broader appreciation of the discipline, enhanced sense of personal values and civic responsibility.”

(SULAM Playbook: Service Learning Malaysia–University for Society, JPT, 2019, p.2).

Objektif SULAM

Menghubungkait teori dengan praktis di dunia sebenar

Meningkatkan sahsiah, kemahiran sivik dan kewarganegaraan di kalangan pelajar

Membantu kesejahteraan komuniti melalui sumbangan idea, ilmu, kemahiran dan kompetensi pelajar

Menjalin kerjasama simbiosis antara pelajar, tenaga pengajar dan komuniti

Melalui objektif SULAM ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pelajar dalam disiplin atau bidang masing-masing dan juga membantu pembentukan kemahiran insaniah abad ke-21.

Libat sama industri adalah sangat digalakkan.

Apa itu Komuniti?

Komuniti adalah:

- (keseluruhan) penduduk yang tinggal di sesuatu tempat, daerah, negara dsb (di bawah satu pemerintahan); masyarakat keseluruhannya; orang ramai.
- tempat yang didiami oleh sesuatu masyarakat.

(Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017)

“... konsep komuniti adalah merujuk kepada kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam satu-satu kawasan tertentu... perkataan ‘Komuniti’ adalah berasal dari bahasa Perancis kuno dipanggil ‘communité’ yang asalnya dari bahasa Latin dipanggil ‘communitas’...”

(Abdullah, M. S. et al., 2017)

Kerangka SULAM@UiTM

Bagi memastikan pelaksanaan SULAM@UiTM berjalan dengan lebih efisien dan sistematis, libat sama antara PTJ berikut iaitu HEA, HEP, iCAN dan Pusat Ko perlu diamalkan bagi membantu membangunkan kehidupan komuniti yang lebih baik.

Hal Ehwal Akademik

Hal Ehwal Pelajar – Pusat Ko-kurikulum

Hal Ehwal Jaringan Industri

Kursus satu disiplin

Kursus multi-disiplin

Komuniti

Industri

Impak


Kepentingan Komuniti

Refleksi

Isu/Masalah/Keperluan

Fakulti dan kampus juga digalakkan libat sama
industri

Jalinan & Peranan Entiti SULAM@UiTM



Peranan Entiti:

- Fakulti/Kampus: membangunkan kursus mengikut disiplin, mengenalpasti komuniti/industri selari dengan disiplin, merancang pelaksanaan SULAM@UiTM.
- Unit Hal Ehwal Kurikulum, BHEA: menasihati pembangunan / semakan kursus agar memenuhi kriteria SULAM@UiTM.
- Pusat Ko-kurikulum, BHEP: mengendalikan *Service Learning* melalui kursus kokurikulum sedia ada.
- ICAN: perantara dalam mengoptimumkan jaringan antara fakulti/kampus cawangan dan industri dalam menyokong pelaksanaan SULAM@UiTM.

Kriteria Projek SULAM@UiTM



Memenuhi keperluan komuniti

Kerjasama antara pelajar, tenaga pengajar, universiti dan komuniti

Konsep Jangka Masa Panjang

Berimpak dan boleh diukur

Berasaskan kursus berkredit

Penglibatan dan sokongan industri / badan berkanun amat digalakkan

Kriteria Kursus SULAM@UiTM

Kursus SULAM adalah sebahagian dari reka bentuk kurikulum

Mempunyai hasil pembelajaran yang jelas dan berkredit


Kursus SULAM berkait dengan kandungan disiplin atau bidang bagi program akademik tersebut

Merupakan aktiviti *non-profit* dan tiada bayaran dikenakan kepada komuniti

Sekurang-kurangnya 20 jam minimum bagi satu-satu semester termasuk pra persediaan, pelaksanaan dan pentaksiran

Refleksi kendiri (*self-reflection*) adalah sebahagian dari komponen pentaksiran.

Kaedah Pengajaran & Pembelajaran SULAM@UiTM



Berdasarkan disiplin – Hasil pembelajaran harus mampu mengaplikasikan ilmu pengetahuan, dan/atau kemahiran teknikal selari dengan keperluan komuniti.

Berdasarkan permasalahan (*Problem-based*) – Hasil pembelajaran adalah bagi menyelesaikan masalah sebenar komuniti.

Kursus/Projek *Capstone* – Pelajar menjalankan projek yang bersesuaian dengan keperluan komuniti melalui aplikasi pengetahuan dan/atau kemahiran disiplin mereka.

Action research berdasarkan komuniti – Penglibatan langsung pelajar dalam penyelidikan yang melibatkan komuniti.

Khidmat *internship* – SULAM juga boleh dilaksanakan sewaktu pelajar menjalani *internship*. Namun begitu bentuk sumbangan dan impak kepada komuniti harus dinyatakan dengan jelas.

Projek libat sama pelbagai kursus – Projek SULAM@UiTM yang melibatkan satu atau lebih rakan kerjasama/fakulti/bidang/kursus bagi mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Penilaian Alternatif Kursus SULAM@UiTM

Refleksi secara kritikal adalah satu proses menilai pengalaman yang dilalui oleh pelajar. Ia merupakan komponen penting di dalam penilaian bagi kurikulum kursus SULAM. Refleksi boleh dilaksanakan secara berterusan sebelum, semasa dan selepas program SULAM dilaksanakan. Refleksi boleh dalam bentuk bertulis atau pun secara verbal.

Persembahan (*performance*): menyampaikan maklumat, menunjukkan kemahiran, melaporkan kemajuan.

Penilaian berdasarkan Portfolio: Porfolio pelajar boleh mengandungi bahan projek SULAM yang sedang dilaksanakan (kerja bertulis, surat, memo etc.) yang menampakkan kemajuan atau hasil akhir kerja pelajar.

Penyampaian: demonstrasi projek SULAM dalam bentuk visual, audio, animasi dan digital.

Pameran: penilaian berdasarkan hasil kerja SULAM@UiTM yang dipamerkan oleh pelajar.

Bentuk penilaian yang lain termasuk: temuramah, modul latihan, pemantauan rakan sebaya, rekabentuk produk/khidmat, *pitching*.

SULAM secara Atas Talian (eSULAM)



- Aktiviti SULAM boleh dijalankan secara bersemuka (*face-to-face*) atau secara atas talian.
- eSULAM boleh berlaku sepenuhnya atas talian atau sebahagian mengikut kesesuaian jenis projek bersama komuniti.
- Definisi komuniti perlu diperjelaskan dan projek yang ingin dilaksanakan secara eSULAM juga perlu bersesuaian dengan kehendak atau keperluan komuniti.
- Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan eSULAM, komunikasi yang efektif menerusi media elektronik adalah penting dan direkodkan.
- Contoh aktiviti bersama komuniti: penghasilan laman web untuk promosi, perniagaan atas talian, penghasilan YouTube atau video berdasarkan keperluan komuniti.

eSULAM sebagai Alternatif



- Aktiviti SULAM secara bersemuka yang telah dirancang boleh dilaksanakan secara atas talian sebagai alternatif sekiranya aktiviti secara bersemuka tidak berkemungkinan untuk berlaku atas alasan munasabah.
- Contohnya seperti; wabak penyakit, bencana alam dan lain-lain situasi yang boleh dijustifikasikan.
- Namun begitu, hasil pembelajaran perlu dipastikan tercapai sekurang-kurangnya 70% dan diganti hasil pembelajaran yang tidak mencukupi di sepanjang pengajian pelajar.

Contoh yang boleh dirujuk bagi situasi wabak penyakit: *Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19* (MQA, 29 Mac 2020, p.3),

Strategi Perancangan dan Implementasi SULAM@UiTM

Bincang

Bincangkan struktur kursus SULAM@UiTM dan kenalpasti kaedah implementasi bagi mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan.

Kenalpasti

Kenalpasti jenis projek SULAM@UiTM yang sesuai bagi kursus tersebut.

Hubungi

Hubungi organisasi yang sesuai untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi menilai kesesuaian jalinan bersama komuniti tersebut.

Tentukan

Tentukan atau kemaskini hasil pembelajaran kursus SULAM@UiTM, sekiranya perlu.



Kenalpasti

Kenalpasti satu atau lebih rakan komuniti yang boleh mewujudkan pengalaman bagi pelajar selari dengan hasil pembelajaran yang diinginkan.



Perjumpaan

Aturkan perjumpaan bersama komuniti secara bersemuka bagi membincangkan objektif dan hasil projek yang dirancang.



Persediaan

Sediakan pelan tindakan risiko berkait dengan kursus SULAM@UiTM yang dirancang.

Pelaksanaan

- ❖ Bangunkan aktiviti refleksi yang utuh bagi penilaian dan pembangunan pelajar selari dengan hasil pembelajaran yang diinginkan.
- ❖ Rancang proses penilaian dan strategi penambahbaikan kerjasama di antara pelajar, komuniti dan industri.

Cadangan Model SULAM@UiTM



1. Disiplin Tunggal

A

Satu kursus khas (*dedicated course*)
• *project-based*
• *capstone project*

B

Mana-mana satu hasil pembelajaran kursus (CLO) dalam 1 kursus

C

Sebahagian dari hasil pembelajaran kursus (CLO) dalam 1 kursus

D

Mana-mana CLO yang berkongsi dengan kursus lain dalam satu disiplin di bawah program yang sama.

E

Satu kursus khas untuk semua program dalam satu fakulti/kampus cawangan.

Cadangan Model SULAM@UiTM



2. Multi/Merentas Disiplin

A. Mana-mana CLO yang berkongsi dengan kursus atau kursus-kursus lain antara disiplin yang berbeza.

B. Satu kursus generik khas yang ditawarkan oleh fakulti/kampus cawangan yang berkongsi:

- *project-based*
- *capstone project*
- komuniti
- industri

Contoh Kaedah Pelaksanaan SULAM@UiTM di Fakulti / Kampus

PERINGKAT	PROSES	TINDAKAN
SEBELUM	<ul style="list-style-type: none">Pelantikan Penasihat Projek (Penyelia/ Pensyarah)Mengenalpasti komuniti dan interaksiMembuat analisa/tinjauan keperluan kajian dan kawasanKemungkinan (<i>feasibility study</i>)Kursus persediaan pelaksanaan SULAM kepada pelajarPelan perancangan	Jawatankuasa SULAM@UiTM Peringkat BHEP/Fakulti/ Kampus Cawangan
SEMASA	<ul style="list-style-type: none">Melaksanakan aktiviti-aktiviti SULAMPentaksiran dan Penilaian oleh Jurulatih/ Pensyarah dan Komuniti (libat sama industri amat digalakkan)	Penyelia/Pensyarah/ Komuniti
SELEPAS	<ul style="list-style-type: none">Pelantikan Panel Penilai (terdiri daripada pensyarah, wakil agensi, NGO, wakil komuniti dll)Pembentangan hasil projek kepada panel yang dilantik (konsep IIDEX)Sesi refleksi daripada pelajarKajian keberkesaan projek (Penyelidikan dan Produk Inovasi)	Jawatankuasa SULAM@UiTM Peringkat BHEP/Fakulti/ Kampus Cawangan

CABARAN PELAKSANAAN SULAM@UiTM



Implikasi kewangan – tambahan kos



**Pengurusan risiko – Insurans
Kelompok Pelajar, Keselamatan Pelajar**



**Komuniti yang mencukupi dengan
pertambahan jumlah pelajar**



Penerimaan komuniti

Cadangan Penyelesaian:

1. Rancang implikasi kewangan lebih awal kerana pelaksanaan SULAM merupakan hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar sebelum bergraduat.
2. Memahami proses dan prosedur universiti.
3. Libat sama pelbagai PTJ (HEA/HEP/iCAN).
4. Bergiat aktif menjalankan kerjasama antara komuniti dan juga industri.
5. Komunikasi berkesan antara universiti dan komuniti.



Cadangan Struktur Organisasi SULAM@UiTM peringkat Universiti, Fakulti dan Kampus

TADBIR URUS SULAM@UiTM

Dasar dan
Pemantauan

JAWATANKUASA
STEERING
COMMITTEE
peringkat UiTM

Perancangan
dan
pelaksanaan

JAWATANKUASA
PERINGKAT BHEP
(SHAH ALAM)

JAWATANKUASA
PERINGKAT FAKULTI
/ KAMPUS

JAWATANKUASA SULAM@UiTM PERINGKAT BHEP (SHAH ALAM)

Pengerusi	Timbalan Naib Canselor HEP
Timb. Pengerusi	Pengarah Pusat Ko-kurikulum, BHEP
Ahli	<ol style="list-style-type: none">1. Timbalan Rektor HEP2. Timbalan Dekan (HEP) Wakil Gugusan
Sekreteriat	<p>Fungsi:</p> <ul style="list-style-type: none">• Menyediakan profil komuniti• Mencari lokasi / logistik• Membangunkan kaedah pentaksiran & penilaian• Menyelaras laporan reflektif berkumpulan (pelajar)• Menyelaras laporan pelaksanaan & pemantauan• Menghasilkan penyelidikan & inovasi

JAWATANKUASA SULAM@UiTM PERINGKAT FAKULTI / KAMPUS

Pengerusi	Dekan / Rektor
Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Timbalan Dekan HEA / Timbalan Rektor HEA 2. Timbalan Dekan HEP / Timbalan Rektor HEP 3. Timbalan Dekan PJI / Timbalan Rektor PJI
Sekretariat	<p>Ditentukan oleh pihak fakulti/ kampus cawangan</p> <p>Fungsi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan profil komuniti • Mencari lokasi / logistik • Membangunkan kaedah pentaksiran & penilaian • Menyelaras laporan reflektif berkumpulan (pelajar) • Menyelaras laporan pelaksanaan & pemantauan • Menghasilkan penyelidikan & inovasi

Kod Penawaran SULAM@UiTM peringkat Pusat Ko-Kurikulum Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)

Kod Kursus	Nama Kursus
HPD133	Asas Khidmat Masyarakat
HPD233	Lanjutan Khidmat Masyarakat

Rujukan

- 
- Abdullah, M. S., Mohd Nor, M., Mohd Yusof, A. R. & Che Husain, F. (2017). Konsep komuniti dan perkembangannya: Satu tinjauan kritikal terhadap penggunaanya. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 2.
 - Bengkel Kumpulan 1, META-22, 11-13 September 2019, Ixora Hotel, Pulau Pinang.
 - Keputusan Mesyuarat Senate ke-250, 1 Oktober 2019.
 - Mesyuarat Perbincangan Bengkel 1: ToT SULAM@UiTM, 16-17 Januari 2020, ILD Bandar Enstek.
 - Nota Bengkel ToT SULAM, JPT KPM 19 September 2019.
 - *SULAM Playbook: Service Learning Malaysia-University for Society*, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), 2019.



LAMPIRAN: CONTOH-CONTOH COURSE ASSESSMENT *PLAN (CAP)*

COURSE ASSESSMENT PLAN/ CONSTRUCTIVE ALIGNMENT TABLE

COURSE CODE	SSXXXX	FACULTY / ACADEMY	xxx
COURSE NAME (IN ENGLISH)	MOVEMENT EDUCATION	CREDIT UNIT	03
COURSE NAME (IN MALAY)	-	RESOURCE PERSON	xxx

No	COURSE LEARNING OUTCOMES (CLO)	PLO	MQF 1.0	MQF 2.0	MO HE	TAX DOM	TEACHING & LEARNING ACTIVITY	ASSESSMENT TASK (%)				SPECIFIC TAKS RELATED TO MOHE/MQF LOD ATTRIBUTE
										GROUP PROJECT		
1												
2												
3	Design activities in relation to age group suitability and motor skills problems.	2	2	3	2	P6	Group Activities			30%		Students are required to conduct a program emphasized on motor skills development activities for community. Part of the assessment, students need to reflect verbally their experience with the community.


CONTOH COURSE ASSESSMENT PLAN (CAP) BAGI KURSUS 3 KREDIT DI MANA SALAH SATU CLO ADALAH BERKAITAN DENGAN SULAM.

Sumber ehsan dari Fakulti Pendidikan@UiTM

COURSE ASSESSMENT PLAN/ CONSTRUCTIVE ALIGNMENT TABLE

COURSE CODE	NADXXX	FACULTY / ACADEMY	xxx
COURSE NAME (IN ENGLISH)	COMMUNITY DIETETIC PLACEMENT	CREDIT UNIT	05
COURSE NAME (IN MALAY)	-	RESOURCE PERSON	xxx

No	COURSE LEARNING OUTCOMES (CLO)	PLO	MQF 1.0	MQF 2.0	MO HE	TAX DOM	TEACHING & LEARNING ACTIVITY	ASSESSMENT TASK (%)				SPECIFIC TAKS RELATED TO MOHE/MQF LOD ATTRIBUTE
								Proposal	Evaluation Summary	Presentation	Final Report	
1	Propose community dietetics intervention program by applying theories and methodologies of nutritional status assessment in a selected community setting	3	6	2	3	C6	Group activities, mini lecture	30%				Carry out nutrition assessment on the selected community. Students need to identify the issues and community needs and come out with proposal.
2	Verify the scientific reasoning in solving nutrition and dietetic problems in the selected community	6	4	11	6	A5	Group activities		20%			Summary evaluation on nutrition and dietetic problems/issue in selected community
3	Demonstrate effective social communication skills with multidisciplinary team members in the community	4	5	5	4	P6	Group activities			20%	30%	Student need to share reflection verbally and submit final report on their experience and finding on nutrition and dietetic at the community.



ISBN: